



Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities (MJSSH)

Volume 4, Issue 6, October 2019

e-ISSN : 2504-8562

Journal home page:
www.msocsciences.com

Sejarah Perdagangan dan Kekeluargaan dalam Menjadi Penerus Kepada Penyeludupan Barangan dalam kalangan Komuniti Sempadan di Kalimantan Barat dan Sarawak: Kajian Kes Sempadan Lubok Antu-Badau

Julie Tay Gek Hsia¹

¹Universiti Malaysia Sabah (UMS)

Correspondence: Julie Tay Gek Hsia (julietay.gh@gmail.com)

Abstrak

Perdagangan lintas sempadan antara Sabah-Sarawak dan Kalimantan secara informal telah wujud sejak sebelumnya konfrontasi Indonesia berlaku pada tahun 1962-1966. Dalam hal ini, penyeludupan barangan di kawasan sempadan turut merupakan satu fenomena yang berterusan sehingga sekarang. Oleh itu, artikel ini ditulis bagi membincangkan mengenai fenomena penyeludupan barangan di kawasan sempadan dengan melihat kepada pandangan komuniti berkaitan permasalahan ini. Kajian ini menggunakan temu bual secara mendalam dan pemerhatian ke atas 15 orang informan bagi melihat kepada fenomena penyeludupan di kawasan kajian. Dapatan kajian mendapati bahawa sejarah perdagangan dan kekeluargaan di kedua-dua kawasan mempunyai kaitan dengan berlangsungnya aktiviti penyeludupan barangan dalam kalangan komuniti sempadan. Persepsi daripada komuniti dan pihak penguatkuasa turut mempengaruhi kelangsungan fenomena tersebut disebabkan sejarah perdagangan dan hubungan kekeluargaan yang dimiliki oleh kedua-dua komuniti sempadan. Namun demikian, dari sudut pandang nasional, fenomena tersebut merupakan satu aktiviti yang menyalahi undang-undang yakni penyeludupan. Oleh itu, bertitik-tolak daripada faktor tersebut isu ini terus berlaku di kawasan kajian.

Kata kunci: komuniti sempadan, penyeludupan barangan, sejarah perdagangan, hubungan kekeluargaan

Trade History and Kinship Attribute to the Continuity Towards "Goods Smuggling" to the Border Community in Sarawak-West Kalimantan: Case Study in Lubok Antu-Badau Border

Abstract

Informal cross-border trade between Sabah-Sarawak and Kalimantan already existed since the Indonesian confrontation in 1962-1966. In this regard, goods smuggling across the border has also been a continuing phenomenon to this day. Thus, this article is written to discuss the goods smuggling phenomenon in the border area by looking at the community's views on this issue and the socio-economic history of both regions. This study uses in-depth interviews over 15 informants and observation method to observe the smuggling phenomenon in the research areas. This study found that trade history and kinship in both areas are related to the continuation of goods smuggling activities within the border communities. The communities and law enforcers perceptions also influenced the continuity of this phenomenon, all due to the trade history and family ties shared by both border

communities. However, from a national perspective, the phenomenon is an illegal activity of smuggling. Therefore, in light of these factors, this issue continues to occur in the study area.

Keywords: border community, goods smuggling, trade history, kinship

Pengenalan

Hubungan Malaysia-Indonesia yang terjalin secara bilateral dan ASEAN dilihat sangat signifikan dalam pembangunan ekonomi kedua-dua buah negara (Ramli & Ahmad, 2007). Dalam konteks ini, salah satu wilayah sempadan Indonesia yang mempunyai interaksi perdagangan ekonomi yang cukup tinggi adalah sempadan antara Kalimantan Barat dan Malaysia-Sarawak (Mutia & Nurfitri 2014). Di sisi lain, sempadan negara turut berperanan penting sebagai pusat pertemuan komuniti, zon kerjasama ekonomi dua hala, dan laluan keluar masuk pelbagai aktiviti halal dan haram malah aktiviti perniagaan dan perdagangan di kawasan sempadan negara bukanlah perkara yang baru (Mohd Yusuf, 2016). Kajian-kajian lalu di daerah sempadan Borneo umpamanya, mendapati bahawa komuniti sempadan lebih tergerak menjalankan aktiviti perdagangan rentas sempadan sebagai sumber ekonomi utama seperti halnya di sempadan Entikong dan Serikin. Umumnya, aktiviti perdagangan rentas sempadan memberi manfaat kepada para peniaga di kedua-dua buah negara yang bersempadanan di samping memberi peluang kepada peniaga untuk mendapatkan pasaran baru, sumber bekalan, modal, buruh, dan teknologi (Abd. Hair et al., 2013).

Dalam pada itu, perkembangan perdagangan rentas sempadan, baik yang bersangkutan dengan kegiatan dalam bidang informal dan formal telah mengalami kemajuan yang sangat pesat sejak kebelakangan ini. Pesatnya kemajuan dalam bidang tersebut akan membawa kepada wujudnya fenomena penyeludupan barangan yang pada kebiasannya dilakukan oleh individu yang mendiami kawasan sempadan. Malah menurut Deflem & Tuner (2001) dalam Ojo (2015) penyeludupan telah mengalami satu transformasi ketara merangkumi perubahan kualitatif dan kepelbagaian jenis barangan yang diseludup. Sehubungan dengan itu, terdapat banyak kajian berkenaan dengan penyeludupan di kawasan sempadan apatah lagi dalam membincangkan kaitannya dengan komuniti sempadan. Terdapat kajian yang melihat kepada hubungan antara penyeludupan barangan dan komuniti sempadan dengan memberikan pandangan bahawa sejarah serumpun mempengaruhi penyeludupan di sempadan. Salah satunya adalah kajian oleh Tagaliacozzo (2002) dan Elyta (2017) berkenaan penyeludupan di sempadan Asia serta Sarawak-Kalimantan Barat.

Namun demikian, Clement (2012) dan Fatma (2013) menjelaskan bahawa urusan yang merentasi sempadan akan menjurus kepada aktiviti penyeludupan barangan dalam kalangan komuniti sempadan seperti halnya di Borneo iaitu Sarawak-Kalimantan Barat. Bahkan juga, menurut Wilson & Donnan (1998), "budaya sempadan" yang kuat tidak mustahil akan mengancam kuasa sebuah negara disebabkan budaya sempadan yang akan mengatasi undang-undang sempadan yang sedang berkuatkuasa. Contohnya, British di Eropah telah cuba untuk membentuk struktur sosial dan kawalan politik yang kuat terhadap sempadan dengan Ireland. Namun, disebabkan telah terbentuknya perkongsian budaya dalam kalangan penduduk sempadan British-Ireland, maka komuniti sempadan tidak lagi menganggap penyeludupan sebagai satu perlakuan jenayah. Lazimnya, kebanyakan kajian berkenaan penyeludupan di kawasan sempadan, melihat masyarakat yang mendiami kawasan sempadan tidak melihat garis sempadan sebagai satu sempadan rasmi. Hal ini demikian kerana, hasil kajian oleh Simala & Amutabi (2005) di sempadan Afrika menyatakan bahawa, sejarah perdagangan dan hubungan kekeluargaan yang terjalin antara komuniti sempadan menyebabkan komuniti hanya melihat garis sempadan sebagai "bayangan" sahaja. Persepsi ini seterusnya, menyebabkan komuniti dan barangan bebas untuk dibawa keluar dan masuk. Situasi yang sama turut berlaku di sempadan Kalimantan Barat dan Serikin Sarawak yang mana peniaga di Indonesia banyak terlibat dalam perniagaan secara kecil-kecilan di sempadan Serikin. Kajian oleh Noor Rahamah et al. (2012), umpamanya mendapati kegiatan perniagaan yang berlaku di kawasan sempadan Indonesia-Malaysia adalah dalam kalangan komuniti-komuniti yang mempunyai pertalian kekeluargaan dan persahabatan. Ini juga menunjukkan bahawa faktor ikatan etnik dalam kalangan penduduk sempadan, adalah

pendorong utama kegiatan perdagangan yang tentunya melibatkan pergerakan barangan antara sempadan Indonesia-Malaysia.

Oleh hal demikian, kajian ini merupakan satu usaha untuk memahami fenomena penyeludupan dalam kalangan komuniti sempadan di Malaysia-Indonesia iaitu di Lubok Antu dan Badau. Dalam pada itu, persoalan permasalahan kajian ini adalah, apakah faktor utama yang mendorong kepada kelangsungan fenomena ini? Mengapa kegiatan penyeludupan barangan di sempadan Malaysia-Indonesia, khususnya di sempadan Lubok Antu dan Badau terus berlangsung? Sehubungan dengan itu, kajian berkaitan fenomena ini dalam konteks sejarah perdagangan dan kekeluargaan adalah sangat perlu agar dapat memahami fenomena penyeludupan ini dengan lebih jelas lagi.

Sempadan dan Komuniti Sempadan

Sempadan secara umumnya menurut Habibah et al. (2014) dan Baud & Schendel (1997) ialah bermaksud garis pemisah antara dua kawasan atau ruang yang bersempadan bukan sahaja dari segi sistem kerajaan tetapi juga mencakupi struktur ekonomi dan sosial termasuk cara hidup masyarakatnya. Manakala, menurut Ong et al. (2011) sempadan adalah satu garis bayangan (*imaginary line*) bagi menandakan kuasa yang dimiliki oleh sempadan dua buah negara. Sempadan antara dua negara lazimnya dipisahkan melalui mekanisme alam semula jadi seperti sungai, gunung, dan banjaran serta hutan. Kini, ia lebih dikemukakan sebagai garis pemisah berdasarkan perundangan antara dua negara dan kawalan perundangan antarabangsa. Dalam hal ini, pembentukan sempadan yang memisahkan Malaysia-Indonesia dapat dilihat melalui kronologi perjanjian-perjanjian yang temeterai antara dua negara sehingga wujudnya sempadan antara Sarawak-Kalimantan Barat (Tuan Stia, 2004), iaitu:

- i) Konvensyen 1891 iaitu konvensyen yang telah ditandatangani oleh British dan Inggeris pada 20 Jun 1891 di London berkenaan dengan isu-isu yang berkaitan dengan kes-kes di wilayah tertentu.
- ii) Kesepakatan 1915 iaitu persetujuan pengesahan sempadan antara Belanda dan Inggeris di Kalimantan pada 28 September 1915.
- iii) Konvensyen 1928 iaitu konvensyen yang ditandatangani oleh kedua-dua kuasa besar di Den Haag pada 25 Mac 1928 berkenaan dengan penentuan sempadan wilayah kedua negara di kawasan Jagoi antara Gunung Api dan Gunung Raya.
- iv) *MoU* 1973 iaitu dokumen persetujuan antara kedua-dua belah pihak berdasarkan kepada konvensyen 1891, 1915, dan 1928. Antara isi perjanjian *MoU* ini adalah berkaitan dengan membuat tinjauan dan pembahagian sempadan antara Malaysia-Indonesia berkenaan dengan penentuan ke atas cukai, imigrasi, penentuan kawasan, tahap pelaksanaan, dan lain-lain.

Oleh hal yang demikian, komuniti persempadanan terbentuk berikutan perjanjian penetapan sempadan politik yang ditandatangani untuk memisahkan secara jelas dan formal wilayah antara negara-negara moden. Penetapan sempadan politik adalah syarat asas kepada pembentukan negara dan merupakan hal kuasa memerintah ke atas sesuatu wilayah oleh kerajaan sesebuah negara. Dalam erti kata lain, walaupun komuniti sempadan memiliki etnik yang sama baik dalam bahasa, ras, dan status sosialnya namun komuniti memiliki status kewarganegaraan berbeza. Oleh itu, persamaan sosiobudaya kemudiannya membawa kepada penciptaan hubungan sosial dan ekonomi tradisional di antara mereka yang seterusnya menjadi modal dasar untuk melakukan interaksi saling menguntungkan.

Dalam pada itu, komuniti di sempadan merupakan satu kumpulan sosial yang berasal daripada perkongsian sejarah dan budaya yang sama (Suhana et al., 2014; Weber, 2012). Mohd Yusof et al. (2016) turut mendefinisikan komuniti sempadan sebagai sekumpulan masyarakat yang telah lama mempunyai perkaitan dari segi geografi, aktiviti perdagangan, dan keturunan sebelum pembentukan kawasan sempadan moden. Wilson dan Donnan (2002) menjelaskan terdapat tiga jenis komuniti sempadan yang dikenalpasti iaitu:

- i) Komuniti sempadan yang berkongsi ikatan budaya yang sama dengan komuniti asal.
- ii) Komuniti yang berbeza identiti etnik disebabkan komuniti sempadan

- iii) mempunyai pertalian persaudaraan dengan komuniti jiran.
- iii) Komuniti yang langsung tidak mempunyai ikatan budaya disebabkan semangat nasioanlisme yang tinggi dalam golongan komuniti majoriti.

Sehubungan dengan itu, kebanyakan komuniti sempadan khususnya di kepulauan Borneo adalah tergolong dalam kategori komuniti pertama dan kedua iaitu yang berkongsi ikatan budaya sama dengan komuniti asal dan yang berbeza identiti etnik disebabkan komuniti sempadan mempunyai pertalian persaudaraan dengan komuniti jiran.

Komuniti Sempadan dan Aktiviti Penyeludupan Barangan

Lazimnya, kebanyakan kajian berkenaan penyeludupan di kawasan sempadan melihat masyarakat yang mendiami kawasan sempadan tidak melihat garis sempadan sebagai satu sempadan rasmi namun hanya sebagai satu laluan antara negeri dan saluran untuk pergerakan manusia dan barangan sahaja (Simala & Amutabi, 2005). Sementara itu, kajian-kajian di kawasan Malaysia-Indonesia di Serikin yang telah dilakukan oleh beberapa orang pengkaji seperti Abd. Hair Awang et al. (2013), Mutia Asmarani et al. (2014), Saru Ariffin (2012), Ramli Dollah & Ahmad Mosfi (2007), Schendel (2005), dan Flynn (1997) juga menunjukkan kegiatan pergerakan barangan di sempadan adalah dirasionalisasikan oleh hubungan etnik, kekeluargaan, dan persahabatan sehingga istilah “penyeludupan” dikompromikan menerusi komunikasi harian antara para peniaga dengan para penguatkuasa undang-undang dan tidak dipandang sebagai jenayah perdagangan. Sehingga pengkaji seperti Ering (2011) berhujah bahawa jenayah merentasi sempadan (penyeludupan) telah memberikan impak yang amat negatif ke atas sosioekonomi sesebuah negara, terutamanya negara-negara maju meskipun jenayah ini adalah satu perniagaan yang menguntungkan.

Sementara itu, kajian oleh Abraham & Schendel (2005) berkenaan dengan “*The Making of Illicitness*” mendapati bahawa kebanyakan komuniti sempadan di dunia tidak memandang kegiatan penyeludupan barangan sebagai satu perlakuan jenayah. Tanggapan ini adalah disebabkan oleh sejarah perdagangan bilateral di kawasan sempadan sebelum wujudnya undang-undang negara bangsa. Persepsi ini akhirnya menjadi faktor penting kepada kelangsungan aktiviti penyeludupan barangan di kebanyakan kawasan sempadan di dunia. Tambah beliau lagi, persepsi ini menyebabkan adanya penerimaan perbuatan ataupun perniagaan yang salah dari segi undang-undang namun ia dibolehkan serta diterima oleh individu mahupun kumpulan yang terlibat.

Seperkara lagi, pandangan yang berbeza terhadap konsep penyeludupan menyebabkan masyarakat sempadan di dunia umumnya, tidak menganggap perdagangan merentasi sempadan sebagai satu kesalahan jenayah. Kajian oleh *International Organization for Migration* (IOM) (2017), di sempadan Diffa dan Zinder menemukan bahawa majoriti komuniti merentasi kawasan sempadan adalah disebabkan kekeluargaan, perdagangan, dan ekonomi. Sebahagian besar komuniti di kawasan tersebut merentasi kawasan sempadan untuk bekerja di sektor pertanian dan penangkapan ikan. Walaupun kajian tersebut tidak khusus membincangkan isu penyeludupan, namun tiga sebab yang dinyatakan iaitu kekeluargaan, perdagangan, dan ekonomi sebenarnya melibatkan pergerakan barangan antara sempadan dua negara. Dalam kes ini jelas bahawa faktor kekeluargaan menjadi alasan kenapa mereka perlu membawa barangan merentasi sempadan. Kajian-kajian masa lalu mendapati bahawa, antara barangan yang utama diseludup keluar dari Malaysia adalah barangan bersubsidi seperti gula, minyak masak, dan bahan keperluan dapur yang lain. Kebanyakan komuniti sempadan di Borneo menyeludup masuk atau keluar barangan melalui jalan darat. Berbeza di kawasan Sungai Golok dan Rantau Panjang di Semenanjung, sungai dijadikan jalan utama bagi membawa masuk barangan dari Malaysia ke negara Thailand (Fauzi et al., 2013).

Metodologi Kajian

Penelitian berkenaan dengan komuniti sempadan dan fenomena perdagangan bilateral di antara dua kawasan sempadan telah dijalankan di sempadan antara Sarawak-Kalimantan Barat iaitu Lubok Antu-Badau. Rajah 1 menunjukkan peta sempadan antara Lubok Antu dan Badau.

Rajah 1: Peta Lokasi Kajian



Kajian ini adalah berbentuk deskriptif iaitu menggunakan kaedah temu bual dan pemerhatian untuk mendapatkan maklumat. Dalam pada itu, populasi dalam kajian ini adalah dalam kuantiti yang besar, maka persampelan bukan keberangkalian iaitu kaedah persampelan bertujuan telah digunakan. Hanya 15 orang informan dipilih melalui teknik persampelan bertujuan. Penentuan unit sampel (informan) dianggap cukup apabila telah sampai kepada tahap redundansi di mana tambahan kepada maklumat boleh dikatakan tidak diperolehi meskipun ditanya kepada informan yang seterusnya (Sugiyono, 2016). Informan yang dipilih adalah penguatkuasa, peniaga, *Tukang ojek* dan komuniti setempat merupakan antara individu yang menetap lama di Badau, menjalankan urusan niaga sebelum wujudnya *Customs, Immigration and Quarantine (CIQ)* dan *Pos Pemeriksaan Lintas Batas (PPLB)* dan masih bergiat aktif dalam aktiviti perdagangan serta rentas sempadan.

Dapatan Kajian

Oleh itu, dari segi pembahagian informan, 12 orang informan yang dipilih adalah dari Badau dan hanya tiga orang dari Lubok Antu. Pemilihan informan yang lebih ramai dari Badau adalah disebabkan individu berkenaan lebih memahami fenomena penyeludupan di kawasan penelitian. Sementara itu, informan yang dipilih terutamanya dari Badau adalah terdiri daripada individu yang aktif merentas sempadan dan mempunyai pengetahuan yang baik tentang fenomena penyeludupan meskipun mempunyai latar belakang pekerjaan yang berbeza. Oleh hal demikian, para informan adalah terdiri daripada peniaga, *Tukang ojek*, komuniti setempat, dan juga pihak penguatkuasa seperti yang ditunjukkan pada Jadual 1.

Jadual 1: Pembahagian Informan Mengikut Pekerjaan dan Kawasan

Kategori	Kawasan		Bilangan
	Lubok Antu	Badau	
Peniaga	1	3	4
<i>Tukang ojek</i>	0	3	3
Komuniti setempat	0	3	3
Pihak Penguatkuasa	2	3	5

Jumlah	3	12	15
--------	---	----	----

Pembentukan Sempadan Lubok Antu-Badau

Apabila melihat kepada pemesatan ekonomi dua hala yang menjurus kepada penyeludupan barangan di kawasan kajian, maka penting untuk melihat kepada sejarah kewujudan persempadanan antara dua kawasan. Dalam pada itu, pembahagian sempadan antara dua kawasan Lubok Antu-Badau adalah dipisahkan oleh satu papan tanda yang diletakkan di Jalan Bayi. Sebelum adanya papan tanda tersebut, sempadan Malaysia-Indonesia ditandai menggunakan satu batu yang diperbuat daripada simen. Meskipun pembahagian secara tradisional ini tidak menimbulkan konflik, sepertimana pertikaian yang berlaku di tempat lain seperti pertikaian Pulau Ligitan dan Sipadan; namun satu sistem kemudahan penting untuk tujuan kelancaran proses rentas sempadan. Oleh hal demikian, CIQ dan PLB adalah dibangunkan dan Pos Lintas Batas tradisional (PLB) telah digantikan dengan Pos Pemeriksaan Lintas Batas (PPLB) yang telah beroperasi sejak Februari 2012.

Sementara itu, pengukuran titik tengah (merujuk kepada cara mengukur untuk mencari pintu masuk (*entry point*) dan pintu keluar (*exit point*) antara dua buah negara) antara Lubok Antu-Badau secara rasmi adalah pada 23 Mei 2000. Pengukuran titik ini adalah bagi membuat pembahagian rasmi sempadan untuk pembinaan Pos Lintas Batas (PLB) yang merupakan pintu keluar-masuk bagi individu merentas sempadan yang digunakan sepenuhnya sejak Februari 2012. Hal ini dinyatakan oleh *key informan* yang menyatakan bahawa pembahagian antara sempadan dua negara telah dilakukan sejak Indonesia mendapat kemerdekaan namun, pengukuran dan penandaan sepenuhnya tamat pada tahun 2001. Menurut beliau:

“Pembuatan patok (tanda) perbatasan (sempadan) antara dua tempat ini adalah sejak Indonesia merdeka pada 1945 dan izin bagi pembuatan patok itu sejak tahun 1975 dan selesai pada tahun 2001. Untuk pembuatan kerja sama Indonesia dan Malaysia adalah pada 16 April 2009. Patokan itu bisa dilihat di Bukit Bayi”

Hal ini dikukuhkan lagi dengan pernyataan oleh informan yang menyatakan bahawa komuniti dari Badau telah merentasi sempadan seawal tahun 1950 lagi:

“Dulu, kami terpaksa jalan kaki untuk sampai ke Lubok Antudan kadang-kadang terpaksa menginap kerana ambik masa mau setengah hari untuk ke sana. Malah keluarga yang lain pun pernah cerita benda yang sama. Memang mereka terpaksa jalan kaki untuk ke sini.” (R8)

Pernyataan dari informan dapat memberikan gambaran umum mengenai aktiviti rentas sempadan yang dijalankan sebelum adanya pembentukan sempadan antara dua negara. Oleh hal demikian, dengan mengambil kira konvensyen dan perjanjian serta pernyataan oleh informan, jelas bahawa kewujudan sempadan Lubok Antu-Badau adalah wujud sebelum pembentukan Malaysia pada 16 September 1963 lagi.

Sehubungan dengan itu, apabila wujudnya sempadan rasmi antara Malaysia dan Indonesia hasil daripada pembentukan negara bangsa; maka terdapat undang-undang, perjanjian-perjanjian, mahupun akta yang terbentuk. Ianya adalah wujud seiring dengan terbentuknya negara bangsa tersebut bagi mengelak aktiviti jenayah sempadan dan juga meningkatkan kerjasama sosioekonomi serta politik antara Malaysia dan Indonesia. Antara salah satu perjanjian adalah perjanjian Sosek Malindo yang dibuat bagi menangani masalah kerjasama pembangunan sosial ekonomi sempadan Malaysia-Indonesia (Novianti, 2012). Perjanjian ini merupakan satu upaya dalam meningkatkan kesejahteraan masyarakat sempadan, sekaligus mempereratkan persaudaraan dan kekeluargaan antara dua buah negara.

Sehubungan dengan itu, perjanjian Sosek Malindo merupakan kesinambungan daripada Kerjasama Lintas Batas berkaitan dengan kerjasama perdagangan lintas batas antara Malaysia dan Indonesia. Antara salah satu isi perjanjian tersebut adalah, setiap perbelanjaan tidak boleh melebihi RM600 dalam satu transaksi per bulan. Oleh hal demikian, bagi mengawal keluar-masuk komuniti dan barangan melalui pintu sempadan, maka dibina Kompleks Kastam, Imigresen, dan Kuarantin (CIQ) dan *Pos Pemeriksaan Lintas Batas* (PPLB) yang menggantikan pintu masuk secara tradisional.

Hubungan Kekerabatan antara Dua Komuniti

Perpindahan etnik Iban di Borneo kerap sekali didorong oleh faktor-faktor seperti penerokaan tanah baru untuk tujuan *survival*, ekologi, dan budaya mereka (Chemalin, 2006). Sementara itu, sejarah etnik Iban yang mendiami kawasan Lubok Antu mahupun di Badau adalah lebih kurang sama seperti penulisan Kendawang (2005) iaitu disebabkan oleh migrasi penduduk bagi tujuan *survival* seperti pembukaan tanah baru bagi tujuan pertanian untuk sara diri. Sehubungan dengan itu, meskipun secara biologinya, informan tidak mempunyai kaitan hubungan mahupun kekeluargaan, namun komuniti setempat telah mengangap komuniti di kedua-dua kawasan sebagai “ahli keluarga”. Menurut informan:

“Dari segi hubungan antara kedua masyarakat, sudah seperti keluarga kerana kebanyakan warga sini mempunyai saudara-mara dari Lubok Antu biarpun tidak ada hubungan, tapi disebabkan sudah saling kenal maka mereka sudah mengangap sesama sendiri sebagai keluarga.”
(R12)

Melalui analisis temu bual yang telah dijalankan, informan mengakui bahawa hubungan baik terjalin dari segi perdagangan dan kebudayaan adalah berterusan disebabkan hubungan-hubungan yang telah terjalin sejak sebelum wujudnya sempadan rasmi. Hubungan-hubungan ini adalah berlandaskan kepada hubungan kekerabatan, budaya, bahasa, serta agama yang nyatanya dikongsi bersama dan menyebabkan hubungan sosioekonomi terus berlangsung sehingga kini. Dalam pada itu, pihak penguatkuasa turut menyatakan bahawa kelonggaran yang diberikan adalah disebabkan hubungan kekeluargaan mahupun kekerabatan yang akhirnya memberikan sedikit kelonggaran untuk membawa barangan terutamanya barangan terkawal dari Malaysia. Menurut pegawai penguatkuasa yang ditemu bual:

“Kedua-dua masyarakat adalah seperti keluarga sudah. Jadi apa salah kalau jiran tetangga ingin membantu jiran mereka yang memerlukan makanan. Yang susahny adalah apabila keperluan harian dan penguatkuasaan adalah bertentangan dengan undang-undang. Tapi sekiranya dalam isu ini, ianya adalah atas dasar toleransi mahupun kemanusiaan ya kami lepaskan sahaja.” (R11)

Oleh hal demikian, jelas bahawa hubungan kekeluargaan mahupun kekerabatan yang dimiliki oleh komuniti setempat menyebabkan adanya kelonggaran dalam membawa barangan merentas kawasan sempadan. Selain itu, menurut kesemua informan, faktor kekeluargaan dikatakan sebab utama mereka mengandaikan mengapa hubungan bilateral ekonomi antara komuniti sempadan terus dijalankan. Hal ini kerana, pihak penguatkuasa dikatakan memberi kelonggaran ke atas jumlah barangan yang dibawa disebabkan komuniti di kawasan Badau yang mempunyai keluarga di Lubok Antu. Menurut informan iaitu seorang penguatkuasa:

“Iya atas dasar toleransi. Kalau misalnya ada acara gawai kayak gini kan, kitakan masih ada toleransi. Sebab sana ada saling kaitan keluarga sama yang sini kan. Jadi boleh saja.” (R15)

Kelonggaran yang diberikan seterusnya menyebabkan mengapa komuniti dikatakan sudah selesai membawa barang secara berlebihan tanpa membayar cukai barangan yang sepatutnya dikenakan. Oleh hal yang demikian, pernyataan daripada informan adalah selaras dengan penemuan kajian oleh Ong et al. (2011), Ramli et al. (2015) dan Mohd Yusof et al. (2016) yang menyatakan bahawa sejarah perdagangan dan kekeluargaan mempengaruhi kegiatan perdagangan dalam kalangan komuniti sempadan. Dalam pada itu, wujudnya aspek kesamaan yang dikongsi bersama seperti kekeluargaan dalam kalangan komuniti sempadan, memberikan keuntungan kepada masyarakat di kedua-dua tempat.

Persepsi Terhadap Aktiviti Penyeludupan

Persepsi komuniti setempat dan pihak penguatkuasa terhadap fenomena ini mengukuhkan lagi penyeludupan barangan di kawasan penelitian. Menurut Sugiharto (2001), faktor yang mempengaruhi persepsi seseorang individu adalah ditentukan oleh dua faktor utama iaitu pengalaman masa lalu dan faktor peribadi. Oleh itu, analisis kajian mendapati bahawa, persepsi yang terbentuk dalam kalangan informan dan komuniti setempat adalah dipengaruhi oleh faktor sejarah perdagangan dan hubungan kekeluargaan yang telah dibincangkan. Persamaan yang dikongsi oleh kedua-dua komuniti kawasan menyebabkan wujudnya sentimen kekitaan. Sentimen ini kemudiannya menyebabkan komuniti merasakan membeli dan menjual balik barangan dari Lubok Antu ke Badau adalah sebagai satu tindakan untuk menolong jiran tetangga yang memerlukan keperluan harian. Hal ini dapat dilihat melalui pernyataan informan di bawah yang menyatakan:

“Kalau menurut hukum perlakuan ini adalah salah, jadi apa boleh buat. Tapi, kalau dilihat kepada RM600 itu tidak cukup untuk dibawa per hari. Kerana kalau melihat kepada jumlah masyarakat di Badau, jumlahnya sangat banyak dan kalau hanya membawa barangan RM600 itu sangat tidak berbaloi dan cukup.” (R5)

Oleh itu, bagi komuniti setempat, tidak wujud istilah penyeludupan barangan di kawasan sempadan meskipun komuniti sedia maklum dan mengetahui bahawasannya kegiatan membawa barangan secara berlebihan dan tidak membayar cukai adalah satu perlakuan jenayah yakni penyeludupan. Pada pandangan komuniti, selagi mereka tidak membawa barangan menggunakan jalan tidak rasmi (jalan tikus), maka ianya bukanlah satu perlakuan yang salah dari segi undang-undang. Bagi komuniti peniaga di kedua-dua buah kawasan, konsep penyeludupan bagi mereka adalah satu perlakuan yang membawa barangan larangan seperti dadah, senjata api, ataupun membawa individu tanpa surat rasmi melalui jalan tidak rasmi. Hal ini dinyatakan oleh salah seorang informan. Menurut beliau:

“Kerana saya bukannya membawa barang seperti dadah ataupun barang haram. Kerana kalau hanya bawa barang makan ataupun runcit ini, itu kan atas dasar timbang rasa atau toleransi antara masyarakat di sini dan penguatkuasa.” (R2)

Oleh itu, jelas bahawa pemahaman komuniti berkenaan dengan konsep penyeludupan adalah berbeza dengan konsep penyeludupan sebenar. Hal ini adalah bertitik-tolak daripada faktor sejarah perdagangan dan hubungan kekeluargaan yang dimiliki oleh kedua-dua komuniti setempat. Dalam pada itu, berkenaan dengan isu perjanjian Sosek Malindo mengenai pembawaan barangan sebanyak RM600, pihak kastam Indonesia terutamanya mengandaikan jumlah tersebut tidak relevan jika masih digunapakai secara sah. Hal ini menunjukkan adanya dasar timbang rasa dalam kalangan pihak penguatkuasa dengan komuniti setempat. Dalam hal ini, menurut salah seorang informan iaitu pegawai penguatkuasa sempadan, beliau menjelaskan bahawa adanya dasar kasihan dan toleransi yang diberikan oleh pegawai bagi komuniti setempat. Kedua-dua persepsi ini menyebabkan mengapa isu penyeludupan sukar untuk dibendung. Menurut informan:

“Kalau mengikut perjanjian tersebut, individu hanya boleh membawa barang hanya sebanyak RM600. Tapi kalau melihat kepada kuantiti barangan tersebut, yang mana harga barangan sekarang semakin meningkat, sangat tidak adil ya kerana jumlah

yang dibawa hanyalah sedikit sahaja. Sebab mereka hanya membawa barang keperluan harian, jadi kami lepaskan saja.”
(R11)

Jelas nya lagi, pemeriksaan sememangnya dijalankan bagi mengawal kemasukan barangan terlarang seperti dadah dan juga senjata api. Namun, barangan keperluan harian seperti beras dan telur adalah dilepaskan atas dasar kemanusiaan. Hal ini memberi penjelasan bahawa konsep penyeludupan terhadap aktiviti yang dijalankan tidak dapat diterima oleh komuniti atas beberapa alasan, antaranya ialah:

- i) Barangan yang dibawa bukan barangan merbahaya.
- ii) Komuniti tidak membawa barangan melalui laluan tidak rasmi.

Oleh itu, sejarah perdagangan bilateral yang telah dijalankan sebelum adanya sempadan rasmi antara dua kawasan menyebabkan sehingga kini komuniti masih tidak melihat garis sempadan rasmi sebagai satu halangan bagi mereka untuk menjalankan urusan niaga mahupun membawa barangan merentasi kawasan sempadan.

Perbincangan Kajian dan Kesimpulan

Oleh hal yang demikian, faktor dominan yang mendorong aktiviti penyeludupan barangan dijalankan secara berterusan adalah sejarah perdagangan dan hubungan kekeluargaan antara dua komuniti. Sejak sebelum adanya pembahagian secara rasmi antara sempadan negara dan adanya CIQ dan PPLB, kedua-dua komuniti telah menggunakan kawasan sempadan sebagai jalan penghubung utama bagi komuniti mengadakan urusan jual-beli barangan. Hasil kajian oleh Wilson & Donnan (1998), Schendel (2005), Yusten Karulus (2009), dan Ong (2011) membuktikan bahawa aktiviti ekonomi yang dijalankan oleh komuniti sempadan sejak dahulu lagi merupakan salah satu faktor yang membawa kepada keadaan saling bergantung masyarakat sempadan di kedua-dua negara selain daripada faktor hubungan kekeluargaan. Hasil kajian oleh Oladeji (2010) berkaitan dengan penyeludupan di Selatan Nigeria turut mendapati bahawa sejarah ekonomi antara dua negara sempadan menyebabkan mereka menganggap perlakuan penyeludupan adalah perkara yang normal. Hal ini kerana, bagi komuniti, perdagangan antara komuniti jiran adalah dilakukan sebelum kedatangan penjajah dan bukanlah isu yang besar.

Sehubungan dengan itu, bagi komuniti di kawasan kajian, telah terbentuk kepercayaan bahawa perlakuan membawa barangan perdagangan sempadan adalah tidak salah disebabkan perdagangan merentas sempadan telah lama dijalankan dan merupakan sebahagian daripada sumber ekonomi pendapatan mereka. Pernyataan ini turut disokong dalam kajian Golub & Mbaye (2009) yang menyatakan penyeludupan pelbagai barangan seperti makanan asas, petrol, tanaman asas, dan lain-lain adalah didorong oleh tradisi perdagangan lama di Afrika dan kemiskinan yang menambah lagi usaha untuk mendapatkan barangan pada kos yang paling rendah dan untuk *survive* dalam apa jua cara sekalipun. Sementara itu, dapatan kajian mendapati, persepsi daripada komuniti telah menyebabkan wujudnya definisi operasional terhadap konsep penyeludupan yang mana berbeza daripada konsep sebenar penyeludupan barangan. Jika menurut para pengkaji seperti Schaefer (2001), Ferrier (2009), dan Olanyi (2010), penyeludupan bermaksud membawa barangan selain daripada jalan rasmi mahupun tidak membayar cukai, maka konsep yang didefinisikan oleh komuniti adalah sebaliknya. Komuniti beranggapan bahawa, membawa barangan secara berlebihan meskipun tidak membayar cukai adalah tidak menyalahi undang-undang selagi ianya melalui jalan rasmi (CIQ dan PPLB). Dalam pada itu, persepsi ini turut dipengaruhi oleh toleransi yang diberikan oleh pihak penguatkuasa yang terlibat. Toleransi yang diberikan oleh penguatkuasa sempadan adalah berlandaskan kepada hubungan kekeluargaan yang dimiliki oleh kedua-dua komuniti. Anggapan bahawa barangan keperluan yang dibawa adalah bagi menolong jiran tetangga telah menyebabkan penguatkuasa memberikan kelonggaran ke atas barangan yang dibawa merentasi sempadan.

Oleh itu, bagi komuniti peniaga di kedua-dua buah kawasan, konsep penyeludupan bagi mereka adalah satu perlakuan yang membawa barangan larangan seperti dadah, senjata api, ataupun membawa individu tanpa surat rasmi melalui jalan tidak rasmi. Pada pandangan komuniti, selagi mereka tidak membawa barangan menggunakan jalan tidak rasmi, maka ianya bukanlah satu perlakuan yang salah

dari segi undang-undang. Ringkasnya, analisis kajian mendapati wujudnya tiga sebab utama yang menjadikan perlakuan penyeludupan adalah berterusan. Pertama, bagi informan dan komuniti setempat, membawa barangan yang berlebihan bukanlah satu kegiatan yang salah. Kedua, penyeludupan bagi komuniti adalah dengan membawa barangan yang salah dan terlarang seperti dadah dan senjata api. Seterusnya, adanya surat rasmi dan membuat laporan setiap kali melimpasi kawasan sempadan tidak boleh dikatakan sebagai perlakuan yang menyalahi undang-undang. Kesimpulannya, kajian ini jelas menunjukkan bahawa, terdapat hubungkait antara sejarah sosioekonomi, kekeluargaan serta kelonggaran yang diberikan oleh pihak penguatkuasa ke atas rancaknya hubungan perdagangan merentasi kawasan sempadan yang akhirnya menjadi penerus kepada isu “penyeludupan barangan” di kawasan kajian.

Rujukan

- Abd. Hair Awang, Noor Rahamah Hj Abu Bakar, Junaenah Sulehan, Mohd Yusof Hj Abdullah & Ong Puay Liu. (2013). Perdagangan Informal Rentas Sempadan Malaysia-Indonesia: Kajian Kes di Serikin, Daerah Bau, Sarawak. *Malaysia Journal of Society and Space*, 9 (1), 52-60.
- Abraham, I. & Schendel, W.V. (2005). Introduction: The making of Illicitness. In *Illicit Flows and Criminal Things: State, Borders and the Other Side of Globalization*, edited by Schandel, W.V. & Abraham, I., 1-37. Bloomington: Indiana University Press.
- Baud, M. & Schendel, W.V. (1997). Towards a Comparative History of Borderlands. *Journal of World History*, Vol 8 (2), 211-242.
- Chemalin Anak Osup. (2006). *Leka Main: Puisi Rakyat Iban-Satu Analisis Bentuk dan Fungsi*. Phd Thesis, Pusat Pengajian Ilmu Kemanusiaan, Universiti Sains Malaysia, Georgetown, Pulau Pinang.
- Clement, N. (2004). Economic Forces Shaping the Borderlands. In *Challenged Borderlands: Transcending Political and Cultural Boundaries*, edited by Kochi, V.P., Morehouse, B.J. & Walter, D.W., 41-61. England: Ashgate Publishing.
- Elyta. (2017). Perdagangan Gula Illegal di Wilayah Perbatasan Entikong Indonesia dan Malaysia. *Sosiohumaniora*, Vol 19 (1), 59-63.
- Ering, Simon Odey. (2011). Trans-Border Crime and its Socio-Economic Impact on Developing Economics. *Journal of Sociology and Social Anthropology*, Vol 2 (2), 73-80.
- Fatma Muthia Kinanti. (2013). Penyelundupan Ikan di Wilayah Perbatasan Kalimantan Barat-Sarawak Sebagai Bentuk *Transnational Crime* dan Kaitannya dengan Perjanjian Kerjasama Pengelolaan Perbatasan Indonesia dan Malaysia. Master Thesis, Fakultas Hukum, Universiti Tanjungpura, Pontianak.
- Fauzi Hussin, Norehan Abdullah & Hussin Abdullah. (2013). Aktiviti Ekonomi Sempadan di Perairan Sg. Golok-Rantau Panjang: Isu dan cabaran. *Prosiding Perkem VIII, Jilid 1: 235 –245*.
- Flynn, Donna K. (1997). “We are the Border”: Identity, Exchange, and the State Along the Benin-Nigeria Border. *American Ethnologist*, Vol 24 (2), 311-330.
- Habibah, A., Hamzah J., Choy, E.A., Sivapalan, S., Nur Farahin, Z., Mohd Kamarulnizam, A. & Sri Winarni, S. (2014). Mengurus Pelancongan Sempadan Malaysia-Thailand: Kesepaduan Atau Konflik. *Malaysia Journal of Society and Space*, 10 Issues 8, 65-71.
- International Organization for Migration. (2017). Border Security: Communities’ Integration and Perception: Diffa and Zinder Regions. Retrieved from https://publications.iom.int/system/files/pdf/border_security_en.pdf.
- J.Dwi Narwoko & Bagong Suyanto. (2010). *Sosiologi: Teks Penghantar & Terapan*. Jakarta: Kencana.
- Jha, O.S. (2009). Community Participation in Border Management: Challenges and Options. *Journal of Defence Studies*, Vol 3(3).
- Kendawang, Joseph Jawa, Tanaka. Sota, Soda. Ryoji, Seman. Logie, Mohd Effendi Wasli & Sakurai. Katsutoshi. (2005). Difference of Rice Farming Practices of the Iban in A National Boundry Area in Borneo and its Socio-Economic Background. *TROPICS*, Vol 14 (4), 295-307.
- Mohd Yusof Abdullah, Suhana Saad, Junaenah Sulehan, Noor Rahamah Abu Bakar, Abd. Hair Awang & Ong Puay Liu. (2016). Memahami Kesepaduan Sosial di Sempadan Menerusi Lensa Komunikasi. *Jurnal Komunikasi*, Jilid 32 (1), 455- 467.

- Mutia, A., Bakran, S. & Nurfitri, N. (2014). Kerjasama Sosial dan Ekonomi Malaysia-Indonesia (SOKSEKMALINDO): Studi Kasus Pengembangan Kawasan Pariwisata di Kabupaten Sambas. *Jurnal TesisPMIS-UNTAN-PSIP*.
- Noor Rahamah Abu Bakar, Mohd.Yusof Abdullah, Abd. Hair Awang, Junaenah Sulehan, Ong Puay Liu. (2012). Kesejahteraan Bersama Melalui Hubungan Dagangan dan Sosial di Sempadan Kalimantan Barat dan Serikin, Sarawak. *Malaysia Journal of Society and Space*, 8, 91-95.
- Novianti. (2012). Kedudukan Pemerintah Daerah dalam Pelaksanaan Kerjasama Internasional: Studi Terhadap Perjanjian Kerjasama SOSEK-MALINDO. *Negara Hukum*, Vol 3 (2), 181-200
- Ojo, Matthias Olufemi Dada. (2015). Risks and Social Repercussions Inherent in Smuggling: A Sociological Investigation of Badagry-Seme and Owode-Idiroko International Border Communities in Nigeria. *American Journal of Economics, Finance and Management*, Vol 1(2), 43-62.
- Oladeji, Mathew Olaniyi. (2010). Perception of Smuggling Among the Yoruba People of Oke-Ogun of South Western Nigeria. *Internet Journal of Criminology*. Retrieved from <https://www.internetjournalofcriminology.com/>.
- Ong Puay Liu , Junaenah,S., Noor Rahamah Abu Bakar, Abd Hair Awang & Mohd Yusof Hj Abdullah. (2012). 'Pasaraya' di Persempadanan: Ruang Untuk Kedinamisan Identiti dan Hubungan. In *Tantangan dan Prospek Perbatasan Indonesia-Malaysia*, edited by TB. Massa Dja'far, Khairul Fuad & Junaenah Sulehan, 25-40. Jakarta: UNAS PRESS.
- Ramli Dollah, Marsitah Mohd Radzi, Wan Shawaluddin Wan Hassan & Amrullah Maraining. (2015). Elemen Fizikal dan Bukan Fizikal dalam Pembentukan Identiti Komuniti Sempadan Di Pantai Timur Sabah, Malaysia. *Malaysian Journal of Society and Space*, 11 (7), 9-20.
- Ramli Dollah & Ahmad Mosfi Mohamad. (2007). Perdagangan Tukar Barang Malaysia-Indonesia: Potensi dan Cabaran. *Jati*, Vol. 12, 83-106.
- Saru Ariffin, SH & LL.M. (2012). Trans Border Cooperation Between Indonesia Malaysia and its Implication to the Border Development. *International Journal of Business, Economics and Law*, Vol 1, 85-90.
- Schendel, W.V. (2005). Spaces of Engagement: How Borderlands, Illicit Flows and Territorial States Interlock. In *Illicit Flows and Criminal Things: State, Borders and the Other Side of Globalization*, edited by Schendel, W.V. & Abraham, I., 38-68. United States of America: Indiana University Press.
- Simala, K.I. & Amutabi, M. (2005). Small Arms, Cattle Raiding and Borderlands: The Ilemi Triangle. In *Illicit Flows and Criminal Things: State, Borders and the Other*, edited by Schendel, W.V. & Abraham, I., 201-226. United States of America: Indiana University Press.
- Sugiharto, S.T. (2001). *Meningkatkan Proses Persepsi*. Yogyakarta: Andi
- Sugiyono. (2016). *Metode Penelitian dan Pengembangan*. Bandung: Alfabeta.
- Tagliacozzo, Eric. (2002). Smuggling In Southeast Asia History and its Contemporary Vectors in an Unbounded Region. *Critical Asian Studies*, 34 (2), 193-220.
- Tuan Stia Hj Tuan Sulong. (2004). Penandaan dan Pengukuran Sempadan. Retrieved from <https://www.instun.gov.my/index.php/en/docman/pangkalan-ilmu-1/artikel-1/ukur-dan-pemetaan-1/27-pengukuran-sempadan-negeri-dan-antarabangsa-1/file>
- Weber, Annette. (2012). Boundaries with Issue: Soft Border Management as a Solution?. Retrieved from <https://library.fes.de/pdf-files/iez/08869.pdf> .
- Wilson, T.M. & Donnan, H. (1998). Nation, State and Identity at International Border. In *Border Identities: Nation and State at International Frontiers*, edited by Wilson, T.M & Donnan, H., 1-30. United Kingdom: Cambridge University Press.
- Yusten Karulus. (2009). Komuniti Sempadan dan Persoalan Keselamatan: Kajian Kes di Ba'kelalan. Master Thesis, Sekolah Sains Sosial, Universiti Malaysia Sabah, Kota